

## SIARAN MEDIA

Kuala Lumpur, 15 April 2021

### **Khazanah raih RM312 juta daripada penempatan saham Telekom Malaysia**

*Hasil akan digunakan untuk pelaburan baharu, termasuk pelaburan dalam sektor strategik baharu*

Khazanah Nasional Berhad (“Khazanah”) telah berjaya memuktamadkan penempatan 53.8 juta saham Telekom Malaysia Berhad (“TM”) pada harga RM5.80 sesaham, sekali gus meraih hasil kasar berjumlah RM312 juta. Harga penempatan mewakili diskaun 3% pada harga penutup pasaran bagi saham tersebut yang bernilai RM5.98 pada 14 April 2021.

Penempatan saham ini adalah sebahagian daripada usaha berterusan Khazanah untuk mengimbangi semula portfolio serta mengitar semula pelaburannya dalam aset sedia ada kepada aset baharu, termasuk aset yang dianggap strategik untuk masa depan negara. Dalam hal ini, hasil daripada penempatan tersebut akan digunakan untuk pelaburan baharu, termasuk pelaburan dalam sektor strategik baharu yang dapat membantu memacu pertumbuhan ekonomi negara serta mencipta peluang pekerjaan berkemahiran tinggi baharu.

Dengan pemulihan harga serta permintaan kukuh bagi saham TM yang didorong oleh pengumuman Kerajaan berkaitan inisiatif transformasi digital dibawah Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia (“MyDigital”), penempatan ini memberi peluang kepada Khazanah untuk meraih sebahagian hasil pelaburannya dalam TM, yang sekali gus akan meningkatkan lagi jumlah apungan serta daya tarikan bagi saham TM. Lanjutan daripada penempatan tersebut, Khazanah kekal memegang kira-kira 20.1% saham dalam TM.

Saham tersebut ditawarkan kepada sekumpulan pelabur institusi jangka panjang tempatan serta pelabur institusi pelbagai strategi, yang mana sebahagian besar pelabur adalah dalam kalangan pelabur dana jangka panjang tempatan.

Credit Suisse dan CIMB adalah pengatur bersama penempatan saham tersebut.

## **TAMAT**

*Untuk sebarang maklumat lanjut, sila hubungi Mohd Raslan Md Sharif di talian Tel +603 2034 0000, atau e-mel [raslan.sharif@khazanah.com.my](mailto:raslan.sharif@khazanah.com.my).*

### **Tentang Khazanah Nasional Berhad**

Khazanah Nasional Berhad (“Khazanah”) adalah dana kekayaan berdaulat Malaysia yang diamanahkan untuk membangunkan kekayaan jangka panjang negara melalui objektif komersial dan strategik. Objektif komersial Khazanah adalah untuk mengembangkan aset kewangan dan mempelbagaikan sumber pendapatan bagi negara, sementara objektif strategiknya pula adalah untuk memegang aset strategik yang membawa manfaat ekonomi jangka panjang. Khazanah dipandu oleh falsafah pelaburannya yang menekankan kepada pencapaian pulangan kewangan yang disesuaikan dengan risiko, menjana pulangan lestari dan mengintegrasikan pertimbangan pelaburan yang beretika dan bertanggungjawab. Untuk maklumat lanjut mengenai Khazanah, sila layari [www.khazanah.com.my](http://www.khazanah.com.my).